

BAB TIGA

Metodologi Kajian

Bab ini akan menerangkan perkara yang berikut, iaitu kaedah penyelidikan, bahan, pemilihan sampel, instrumen dan tatacara penyelidikan.

Bab ini akan menghuraikan langkah-langkah yang telah dijalankan untuk mendapatkan data-data kajian. Perkara-perkara penting yang akan dibincangkan ialah:

Bahan Kajian

Sampel kajian yang dipilih adalah buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Kementerian Pendidikan Malaysia hanya memperakukan sebuah buku teks Bahasa Malaysia sahaja yang dibenarkan digunakan di Tingkatan 3 iaitu:

Judul : Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

Pengarang : Mohd. Asraf Abdul Wahab

Awang Sariyan

Mohd. Dahlan Mohd. Ramli

Ramlah Shahari

Siti Jaharah Yop

Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka

Tahun : 1989

Selaras dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat pekeliling KP.BT.8941/89/(53) yang bertarikh 9 November 1988 kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dan semua pengetua sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Pengkaji memilih buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 3 kerana pelajar-pelajar Tingkatan 3 merupakan pelajar yang berada di tahun terakhir persekolahan sekolah menengah rendah. Selepas tahap ini, lazimnya pelajar-pelajar akan melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas yang sudah semestinya lebih mencabar. Dengan itu pengkaji ingin melihat sejauhmanakah mereka telah didedahkan dengan pendidikan pelbagai budaya sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas, iaitu di Tingkatan 4 dan seterusnya di Tingkatan 5, ini kerana kebanyakan pelajar di Malaysia hanya menghabiskan masa hanya 2 tahun di peringkat sekolah menengah atas, kemudian mereka akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri, mengambil kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak swasta, bekerja dengan agensi kerajaan mahupun dengan syarikat swasta. Semasa inilah pelajar-pelajar ini akan berhadapan dengan masyarakat yang berbagai budaya dalam meneruskan kehidupan mereka kelak.

Senarai Semak Unsur-unsur Budaya

Secara keseluruhannya definisi pendidikan pelbagai budaya menjurus kepada dua pembahagian yang utama, iaitu unsur-unsur perlakuan kehidupan yang bercorak material dan bukan material. Senarai semak unsur-unsur budaya yang disediakan berdasarkan definisi yang dibuat oleh seorang pengkaji budaya tempatan iaitu A.Aziz Deraman (1994), dan satu lagi berdasarkan definisi seorang sarjana barat, iaitu Taylor (1871).

A. Aziz Deraman (1994) berpendapat pengertian budaya ialah:

Budaya material adalah segala perlakuan yang lahir yang berupa alat-alat yang dicipta oleh manusia yang berbentuk objek-objek tertentu, jelas dan nyata seperti rumah, peralatan hidup, senjata dan lain-lain yang juga dikenali sebagai artifak. Budaya bukan material ialah sesuatu yang tidak bercorak mata benda, berbentuk abstrak dan spiritual seperti kepercayaan, moral, adat dan lain-lain dikenali sebagai mantifik. (hlm. 11)

Manakala Taylor (1871) pula, menjelaskan budaya sebagai:

Kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan apa juga kebolehan serta kebiasaan yang didapati oleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat.
(hlm. 2)

Selanjutnya pengkaji telah menyediakan satu senarai semak unsur- unsur budaya untuk menganalisis isi kandungan, iaitu: (a) adat, (b) agama, (c) bangsa, (d) bahasa, (e) bangunan, (f) gender, (g) hubungan luar, (h) komunikasi, (i) makanan, (j) masalah sosial, (k) pakaian, (l) patriotik, (m) pekerjaan, (n) pemikiran, (o) pendidikan, (p) pengangkutan, (q) peralatan, (r) perhiasan, (s) seni muzik, (t) seni sastera, (u) seni tenun, (v) seni ukir, dan (w) sejarah.

Pendekatan Kajian

Kajian analisis kandungan merupakan kajian yang lebih objektif dan sistematik. Pengkaji akan dapat membuat tafsiran dengan lebih tepat kerana data-data yang diperolehi adalah dalam bentuk kuantitatif. Dengan itu kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan seperti yang ditegaskan oleh Borg dan Gall (1983):

Content analysis is a research technique for the objective, systematic, and quantitative description of the manifest content of communication. The raw material for the research worker using content-analysis technique may be any form of communication, usually written materials.... (hlm. 511)

Kajian ini ingin menganalisis kepelbagaiannya budaya yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM

Tingkatan 3. Berdasarkan senarai semak unsur-unsur budaya yang disediakan, pengkaji akan menganalisis unsur-unsur budaya yang terdapat dalam teks yang dikaji.

Kajian ini merangkumi buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, bermula dari unit 1 hingga ke unit yang ke 20. Segala butiran yang berkaitan akan dicatat dalam senarai semak jenis-jenis budaya mengikut penjenisan kaum.

Dapatan kajian akan dilaporkan dalam bentuk jadual kekerapan peratus. Analisis jadual akan dibuat mengikut jenis-jenis budaya yang terdapat dalam kajian.

Pengumpulan Data

Petikan, ilustrasi dan gambar yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 akan diteliti satu persatu dari unit 1 hingga ke unit yang ke 20. Pengkaji akan menandakan serta menyenaraikan gambar-gambar berserta dengan muka surat yang terdapat dalam buku teks tersebut mengikut penjenisan kaum, iaitu:

- (1) Unsur budaya Melayu
- (2) Unsur budaya Cina
- (3) Unsur budaya India
- (4) Unsur lain-lain budaya
- (5) Unsur budaya asing
- (6) Unsur budaya universal

Unsur-unsur budaya mengikut penjenisan kaum akan

ditandakan dalam ruangan senarai semak yang disediakan. Penelitian terperinci akan dilakukan terhadap unsur-unsur budaya tersebut. Unsur-unsur budaya dikumpulkan dalam dua komponen yang besar, iaitu dalam bentuk budaya material dan budaya bukan material.

Setiap ilustrasi dan gambar yang ditandakan dalam ruangan senarai semak adalah mengikut penjenisan kaum. Setelah proses menanda unsur-unsur budaya itu selesai, pengkaji akan memasukkan kesemua butiran dalam kolumn kekerapan. Dalam bahagian ini pengkaji akan menyenaraikan unsur-unsur budaya setiap kaum.

Langkah seterusnya dalam mengumpulkan data ialah meneliti semua tajuk petikan dalam setiap unit. Oleh kerana pengkaji juga ingin melihat sama ada tajuk-tajuk petikan kefahaman yang dipilih itu mempunyai unsur-unsur pendidikan pelbagai budaya, maka semua tajuk petikan yang terdapat dalam bahagian-bahagian akan disenaraikan seperti yang berikut:

- (1) Tajuk petikan mendengar dan bertutur
- (2) Tajuk petikan membaca dan memahami
- (3) Tajuk petikan menulis
- (4) Tajuk petikan bacaan luas

Unsur-unsur budaya setiap petikan itu ditandakan secara berasingan. Kesemua butiran unsur-unsur budaya itu akan dimasukkan dalam kolumn kekerapan. Jenis-jenis budaya yang terdapat dalam setiap petikan itu juga akan direkodkan secara berasingan.

Analisis Data

Data-data yang dikumpulkan dari senarai semak ini akan digunakan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian. Data-data yang telah dikumpulkan itu akan dianalisis satu persatu mengikut urutan tajuk-tajuk seperti di bawah:

- (1) Analisis keseluruhan budaya semua kaum dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (2) Analisis unsur-unsur budaya semua kaum dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (3) Analisis cerminan budaya semua kaum dalam gambar dan ilustrasi buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (4) Analisis cerminan budaya semua kaum dalam petikan 'mendengar dan bertutur' buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (5) Analisis cerminan budaya semua kaum dalam petikan 'membara dan memahami' buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (6) Analisis cerminan budaya semua kaum dalam petikan 'menulis' buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.
- (7) Analisis cerminan budaya semua kaum dalam petikan 'bacaan luas' buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

Analisis data akan dibuat berdasarkan kepada kekerapan unsur-unsur budaya mengikut penjenisan kaum dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Pengkaji akan mengambil data-data kekerapan dan peratus unsur-unsur budaya dari setiap kaum. Tujuan pengkaji berbuat demikian adalah untuk membuat perbandingan kekerapan unsur-unsur budaya antara kaum.

Bagi mencari peratus unsur-unsur budaya mengikut penjenisan kaum dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, formula yang akan digunakan ialah:

kekerapan budaya mengikut setiap kaum
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan budaya mengikut semua kaum
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

kekerapan unsur-unsur budaya mengikut setiap kaum
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan unsur-unsur budaya semua kaum
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

kekerapan ilustrasi mengikut setiap kaum dalam buku
teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan ilustrasi mengikut semua kaum
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

kekerapan unsur-unsur budaya mengikut setiap kaum
dalam tajuk petikan 'Mendengar dan Bertutur' dalam
buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan unsur-unsur budaya mengikut semua
kaum dalam tajuk petikan 'Mendengar dan Bertutur'
dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

kekerapan unsur-unsur budaya mengikut setiap kaum dalam tajuk petikan 'Membaca dan Memahami' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan unsur-unsur budaya mengikut semua kaum dalam tajuk petikan 'Membaca dan Memahami' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

kekerapan unsur-unsur budaya mengikut setiap kaum dalam tajuk petikan 'Menulis' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan unsur-unsur budaya mengikut semua kaum dalam tajuk petikan 'Menulis' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

Kekerapan unsur-unsur budaya mengikut setiap kaum dalam tajuk petikan 'Bacaan Luas' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3

----- X 100

Jumlah kekerapan unsur-unsur budaya mengikut semua kaum dalam tajuk petikan 'Bacaan Luas' dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3